



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 9/2005
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

LANTIKAN KELULUSAN PROFESIONAL PERAKAUNAN

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa:

1. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/1984 adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perenggan 7.2 dengan perenggan 7.2. i, ii, iii, iv dan v seperti berikut:
 - i. pegawai-pegawai yang telah lulus peperiksaan akhir dari badan-badan peperiksaan ikhtisas (profesional) perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan ditempatkan pada tanggagaji B2 atau B2 EB3 apabila dilantik iaitu pada sukatan gaji yang sama seperti seorang pemegang ijazah lulus;
 - ii. pemegang-pemegang ijazah atau pegawai-pegawai di perenggan 1. (i) yang diterima menjadi ahli bersekutu (associate member) badan-badan ikhtisas (profesional) perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan diberi tiga (3) kenaikan gaji tambahan dan apabila lulus dan mendapat keahlian 'Chartered Certified Accountants' atau badan-badan peperiksaan ikhtisas (profesional) perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan diberikan dua (2) kenaikan gaji tambahan;
 - iii. pemegang-pemegang ijazah atau pegawai-pegawai di perenggan 1. (i) yang lulus dan mendapat keahlian 'Chartered Certified Accountants' atau badan-badan peperiksaan ikhtisas (profesional) perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan diberikan lima (5) kenaikan gaji tambahan;
 - iv. pemberian kenaikan gaji tambahan ini adalah mulai dari tarikh ia mendapat keahlian berkenaan dan tarikh kenaikan gajinya yang asal




adalah tidak berubah. Pemberian kenaikan gaji tambahan ini tertakluk kepada gaji pegawai-pegawai berkenaan belum mencapai takat gaji akhir dalam tanggaji B.2 (\$3,760) iaitu belum mencapai sekatan kecekapan (EB.3). Jumlah kenaikan gaji tambahan yang diberikan adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan pemberian gaji tambahan yang lazim masa kini; dan

- v. Badan-badan ikhtisas (profesional) perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuklah badan-badan berikut:
 - a. The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), United Kingdom.
 - b. The Institute of Chartered Accountants in Scotland (ICAS), United Kingdom.
 - c. The Institute of Chartered Accountants in Ireland (ICAI), United Kingdom.
 - d. The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), United Kingdom (sebelum ini dikenali sebagai Institute of Cost and Management Accountants).
 - e. The Chartered Association of Certified Accountants (ACCA), United Kingdom (sebelum ini dikenali sebagai The Association of Certified Accountants).
 - f. Australian Society of Certified Practising Accountants (ASCPA), Australia (sebelum ini dikenali sebagai Australian Society of Accountants).
 - g. The Institute of Chartered Accountants (ICAA), Australia.
 - h. Canadian Institute of Chartered Accountants (CICA), Canada.
 - i. Institute of Chartered Accountants of New Zealand (ICANZ), New Zealand (sebelum ini dikenali sebagai The New Zealand Society of Accountants).
- 2. Sebarang pertanyaan mengenai peraturan ini hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- 3. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2005.



4. Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan bilangan 33/1975 dan mana-mana peraturan yang mengawal perkara ini adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.


(PG DATO PADUKA HAJI ABD HAMID BIN PG HAJI MOHD YASSIN)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam
Rujukan : (9)/JPM/SK/2005
Tarikh : 19 Jamadilakhir 1426/26 Julai 2005